

JPS tambak Pantai Tok Jembal

KUALA TERENGGANU 28 Nov. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri Terengganu sedang menyiapkan kerja menambak kawasan Pantai Tok Jembal di sini yang mengalami hakisan teruk sejak tahun lepas.

Pengarah JPS negeri, Mat Hussin Ghani berkata, kerja-kerja penambakan pantai sepanjang 450 meter itu melibatkan kos RM2.5 juta bermula sejak dua bulan lepas dan dijangka siap akhir bulan depan.

"Pantai dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud ke kawasan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sepanjang kira-kira 4.5 kilometer,

yang kritikal mengalami hakisan sepanjang 1.5 kilometer.

"Yang kita tambak hanya sepanjang 400 meter iaitu kawasan hakisan yang sangat kritikal melalui peruntukan kerajaan Persekutuan. Kita harap kerajaan negeri dapat sediakan sedikit peruntukan untuk menyambung kerja-kerja menambak di sepanjang 200 meter lagi," katanya di sini, hari ini.

Katanya, kawasan pantai Kampung Tok Jembal terjejas teruk akibat hakisan terutama pada musim tengkujuh setiap tahun.

Menurutnya, pantai itu terhakis beberapa meter ke daratan hingga

merosakkan jalan, pokok-pokok serta pondok rehat kini ditenggelami air laut.

"JPS bercadang untuk menambak keseluruhan pantai itu yang kritikal sepanjang 1.5 kilometer melibatkan perbelanjaan RM7.5 juta," katanya.

Beliau berkata, JPS negeri juga melantik perunding bagi mengkaji hakisan pantai dari Chendering hingga pantai Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan kajian dijangka siap sepenuhnya tahun depan.

"Untuk pantai di sebelah lapangan terbang ini, kita sudah siap merangka pelan untuk sepuluh tahun akan datang," katanya. — **BERNAMA**